

24 MAY 2003

SPN DIMINTA BANTU KONTRAKTOR BUMIPUTERA

IPOH, 24 Mei (Bernama) -- Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) berharap Syarikat Perumahan Negara (SPN) akan memberikan keutamaan kepada kontraktor bumiputera dalam melaksanakan projek 150,000 buah rumah kos rendah dan sederhana di bawah pakej ekonomi yang diumumkan Rabu lepas.

Naib Presidennya Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah berkata kebanyakan kontraktor yang menjadi ahli PKMM adalah kontraktor yang berwibawa dan mempunyai rekod yang baik dalam menjalankan projek mereka.

PKMM akan bertemu Pengerusi SPN Datuk Ahmad Zahid Hamidi bagi membincangkan perkara itu, katanya.

"Projek yang diberikan kepada SPN adalah projek besar dan jika diberi peluang kontraktor-kontraktor bumiputera akan dapat membuktikan kemampuan mereka. Ini juga adalah peluang mereka untuk mendapat kerja dalam keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu," katanya di sini hari ini.

Rabu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion berkata SPN dipertanggungjawab untuk membina sekurang-kurangnya 150,000 unit rumah kos rendah dan sederhana untuk golongan berpendapatan rendah melalui kontraktor yang mempunyai rekod yang baik.

Muhammad Muhiyuddin ang juga Yang Dipertua PKMM Perak berkata ada ramai ahli PKMM yang berkewibawaan termasuk memperoleh status ISO 9000.

-- BERNAMA

KAY RHM